



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: SFS/00021/3 SFS-CIRCULARS(P)(14)

Tarikh: 20 Mac 2023

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL. 4 /2023

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Badan- Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

PELAPORAN MAKLUMAT SALAHLAKU KONTRAKTOR, PEMBEKAL DAN PERUNDING KE DALAM SISTEM *CONTRACTORS & CONSULTANTS REGISTRATION AND RATING SYSTEM (CORRIS)*

1. TUJUAN PEKELILING

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaporan maklumat salahlaku kontraktor, pembekal dan perunding ke dalam sistem *Contractors & Consultants Registration And Rating System (CoRRIS)* kepada semua Kementerian, Jabatan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (Agensi).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Salah satu maklumat penting yang disediakan oleh Pejabat ini melalui sistem *CoRRIS* adalah mengenai maklumat salahlaku kontraktor / pembekal / perunding yang disebabkan kesalahan semasa pendaftaran, kesalahan semasa proses perolehan / pelaksanaan kontrak dan kesalahan jenayah dan sivil.
- 2.2 Maklumat ini bertujuan untuk dikongsi bersama dan digunakan untuk rujukan oleh semua Agensi dalam melaksanakan urusan perolehan dan pentadbiran kontrak Kerajaan Negeri. Bagi memastikan maklumat salahlaku kontraktor / pembekal / perunding adalah lengkap, komprehensif dan terkini.

3. PELAPORAN MAKLUMAT SALAHLAKU KONTRAKTOR, PEMBEKAL DAN PERUNDING

3.1 Bagi tujuan pelaporan maklumat salah laku kontraktor, pembekal dan perunding tersebut, nama laporan '**Adverse Report**' yang sedia ada telah digantikan dengan **Laporan Kontraktor / Pembekal / Perunding (Contractors, / Suppliers / Consultants Report)** yang lebih menyeluruh berdasarkan jenis-jenis kesalahan yang telah ditetapkan.

3.2 Sehubungan itu, Agensi hendaklah membuat aduan salah laku kontraktor / pembekal / perunding mengikut jenis-jenis kesalahan seperti berikut:

3.2.1 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Pendaftaran UPKJ (Termasuk Status Bumiputera):

(i) Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Pendaftaran UPKJ

- (a) Memalsu atau meminda maklumat / dokumen dalam permohonan; dan
- (b) membenarkan sijil pendaftaran digunakan oleh Individu / syarikat/firma lain

(ii) Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Pendaftaran Status Bumiputera

- (a) Memalsu atau meminda maklumat / dokumen; dan
- (b) Memperdaya untuk taraf Bumiputera.

3.2.2 Kesalahan Semasa Proses Perolehan Dan Pelaksanaan Kontrak

(i) Kesalahan Semasa Proses Perolehan

- (a) Memalsu atau meminda maklumat / dokumen untuk tujuan tender / sebutharga;
- (b) Menarik diri selepas tarikh tutup dan sebelum keputusan tender dibuat;
- (c) Mengemukakan lebih dari satu (1) sebutharga / tender dalam penyertaan sesuatu sebutharga / tender;
- (d) Menolak tawaran tender / sebutharga selepas Surat Setuju Terima (*Letter of Acceptance*) dikeluarkan;
- (e) Enggan menandatangani kontrak; dan
- (f) Pakatan Harga (*Collusion*).

(ii) Kesalahan Semasa Pelaksanaan Kontrak

Gagal Mematuhi Obligasi Kontrak:

- (a) Kelewatan yang kritikal (*critically delayed*);
- (b) Penamatan kontrak;
- (c) Sub-Kontrak / serah hak (*Assignment*) tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Agensi; dan
- (d) Perkhidmatan Perunding: Menggunakan perkhidmatan Perunding asing tanpa kelulusan Agensi dan / atau Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri terlebih dahulu.

3.2.3 Kesalahan Jenayah Dan Sivil

(i) Kesalahan Jenayah

- (a) Rasuah;
- (b) Penipuan; dan
- (c) Pecah Amanah.

(ii) Kesalahan Sivil

- (a) Penghutang Penghakiman (*Judgment Debtor*);
- (b) Bankrap; dan
- (c) Syarikat / firma diletakkan di bawah perintah Penerimaan (*Receivership*) dan Likuidasi (*Liquidation*).

Tafsiran terperinci bagi setiap jenis salahlaku di atas adalah seperti di **Lampiran A**.

4. TANGGUNGJAWAB AGENSI

- 4.1 Ketua Agensi hendaklah memastikan aduan salahlaku dilaporkan dengan seberapa segera ke dalam sistem *CoRRIS* sebaik sahaja Agensi mengetahui dan mengesahkan salahlaku kontraktor / pembekal / perunding berkenaan mengikut jenis-jenis kesalahan seperti yang dinyatakan pada perenggan 3.2 di atas.
- 4.2 Selepas aduan salahlaku tersebut dibuat di dalam sistem *CoRRIS*, Agensi adalah dikehendaki untuk mengemukakan maklumat terperinci mengenai salahlaku kontraktor / pembekal / perunding tersebut kepada UPKJ dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** dengan menggunakan **Borang Laporan Kontraktor / Pembekal / Perunding (*Contractors / Suppliers / Consultants Report Form*)** seperti di **Lampiran B1 and B2**. Ini adalah penting agar tindakan tatatertib dapat diputuskan dengan kadar segera terhadap aduan salahlaku yang dilaporkan oleh Agensi.

5. TINDAKAN TATATERTIB KE ATAS KONTRAKTOR , PEMBEKAL DAN PERUNDING

- 5.1 Setiap aduan salahlaku yang diterima akan dipertimbangkan oleh Pejabat ini sebelum tindakan diambil terhadap kontraktor / pembekal / perunding dan maklumat ini seterusnya akan dikemaskini dalam sistem *CoRRIS* untuk rujukan semua Agensi. Carta aliran proses pelaporan salahlaku kontraktor / pembekal / perunding adalah seperti di **Lampiran C**.
- 5.2 Bagi aduan kesalahan kontraktor / pembekal / perunding disebabkan Kelewatan Yang Kritikal (*Critically Delayed*), Agensi hendaklah memaklumkan dengan kadar segera kepada UPKJ melalui emel sekiranya prestasi dan kemajuan kontrak tersebut tidak lagi dikategorikan sebagai Kelewatan Yang Kritikal (*Critically Delayed*).

6. PENGUATKUASAAN

- 6.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta-merta dari tarikh ianya dikeluarkan.
- 6.2 Selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling ini, adalah dimaklumkan memorandum [ruj: SFS/00021/SFS-CIRCULARS(P)(30)] dan surat rasmi [ruj: SFS/00021/SFS-CIRCULARS(P)(31)] yang dikeluarkan pada 15.09.2021 mengenai pengemaskinian maklumat prestasi kontraktor bagi (i) prestasi projek semasa yang "*critically delayed*"/ projek sakit (*on going project*) sahaja adalah DIBATALKAN.
- 6.3 Untuk makluman juga, Pejabat ini sedang dalam proses menambahbaik keseluruhan fungsi sistem *CoRRIS* bagi tujuan pelaporan salahlaku yang lebih efektif dan efisien. Perkembangan mengenai penambahbaikan ini akan dimaklumkan kepada semua Agensi dari masa ke semasa.

7. PERTANYAAN

- 7.1 Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas hendaklah dirujuk kepada pegawai-pegawai berikut:

Bil.	Nama Pegawai	E-mail
1.	En. Ahmad Arif Bin Ahmad Denney	arifdenney@sarawak.gov.my
2.	En. Azraine Bin Sulaili	azraine@sarawak.gov.my

No. Telefon : 082-235810

No. Faks : 082-251593

Sekian, terima kasih.

" BERSATU BERUSAHA BERBAKTI "
" AN HONOUR TO SERVE "


(DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR)
Setiausaha Kewangan Negeri
SARAWAK

Tafsiran Terperinci Jenis Salahlaku

1. Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Pendaftaran UPKJ (Termasuk Status Bumiputera)		
1.1 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Pendaftaran UPKJ		
Jenis Kesalahan	Tafsiran	
1.1.1	Memalsu atau meminda maklumat / dokumen dalam permohonan	<p>Syarikat / firma telah mengemukakan / menggunakan maklumat palsu atau tidak benar dalam Permohonan sama ada :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendaftaran baru; • Pembaharuan: Tambah Bidang / Kepala / Sub-Kepala; • Perubahan butiran; atau • Lain-lain permohonan. <p>Contoh Salahlaku maklumat palsu untuk pendaftaran:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Pemalsuan / Penyalahgunaan nama tanpa kebenaran bertulis dari pekerja kompeten atau profesional yang dibayar EPF; b) Pemalsuan sijil-sijil Akademik; c) Pemalsuan Penyata Bank / Laporan Bank; d) Pemalsuan maklumat Syarikat; e) Pemalsuan tarikh sahlaku Lesen / Permit Khas / Pendaftaran dengan Agensi termasuk Pendaftaran CIDB; f) Pemalsuan Kontrak, Sub-kontrak, <i>Letter of Award</i>, Sebutharga, Invois, Resit; g) Pemalsuan Surat Prinsipal; h) Pemalsuan Surat Kebenaran daripada Badan /Institusi Profesional; atau i) Lain-lain pemalsuan.
1.1.2	Membenarkan Sijil Pendaftaran digunakan oleh individu / syarikat / firma lain.	Syarikat / Firma membenarkan Sijil Pendaftaran yang dikeluarkan oleh UPKJ untuk digunakan oleh individu / kontraktor / pembekal / perunding lain untuk apa-apa tujuan perolehan Kerajaan.
1.2 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Status Bumiputera		
Jenis Kesalahan	Tafsiran	
1.2.1	Memalsu atau meminda maklumat /dokumen.	Syarikat / firma telah mengemukakan / menggunakan maklumat palsu atau tidak benar termasuk memalsukan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam syarikat / firma dengan tujuan mendapatkan Status Bumiputera.
1.2.2	Memperdaya untuk taraf Bumiputera.	Syarikat / firma yang telah diberi Status Bumiputera berasaskan kepada dokumen yang dikemukakan, didapati tidak memenuhi syarat pengiktirafan Status Bumiputera apabila pemeriksaan dibuat.

Tafsiran Terperinci Jenis Salahlaku

2. Kesalahan Semasa Proses Perolehan Dan Pelaksanaan Kontrak		
2.1 Kesalahan Semasa Proses Perolehan		
Jenis Kesalahan		Tafsiran
2.1.1	Memalsu atau meminda maklumat / dokumen untuk tujuan tender / sebut harga	Kontraktor, Pembekal dan Perunding telah memalsukan atau meminda apa-apa maklumat / sijil / dokumen yang berkaitan perolehan Kerajaan bagi memenuhi syarat yang ditetapkan untuk menyertai perolehan Kerajaan atau syarat kontrak.
2.1.2	(i) Menarik diri selepas tarikh tutup dan sebelum keputusan sebutharga / tender dibuat	Kontraktor, Pembekal dan Perunding telah menyertai perolehan Kerajaan seperti sebutharga / tender yang dikeluarkan oleh Agensi tetapi menarik diri selepas penutupan sebutharga / tender tersebut.
	(ii) Mengemukakan lebih dari satu (1) sebutharga / tender dalam penyertaan sesuatu sebutharga / tender	Mengemukakan lebih dari satu (1) sebutharga / tender dalam penyertaan sesuatu sebutharga / tender
	(iii) Menolak tawaran sebutharga / tender selepas Surat Setuju Terima (<i>Letter of Acceptance</i>) dikeluarkan	Menolak tawaran sebutharga atau tender selepas Surat Setuju Terima (<i>Letter of Acceptance</i>) dikeluarkan; Kontraktor, Pembekal dan Perunding bertindak seperti: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Enggan bekerjasama menerima / menolak tawaran; atau ▪ Tidak memulangkan Surat Setuju Terima (<i>Letter of Acceptance</i>) yang dikeluarkan oleh Kerajaan setelah surat tersebut dikeluarkan. <p>Walau bagaimanapun tafsiran /peraturan ini tidak terpakai untuk kaedah perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dari masa ke semasa seperti perolehan secara Cabut Undi, Lantikan Secara Terus / Giliran (<i>Rotation</i>) untuk perlantikan Perkhidmatan Perunding.</p>
	(iv) Enggan menandatangani kontrak.	Syarikat / Firma enggan menandatangani kontrak (termasuk perbuatan) seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tidak hadir ke Pejabat Agensi untuk menandatangani kontrak dokumen rasmi (<i>Letter of Award /Letter of Acceptance / Form of Contract</i>); ▪ Hadir ke Pejabat Agensi tetapi tidak menandatangani kontrak dokumen rasmi (<i>Letter of Award/ Letter of Acceptance / Form of Contract</i>); atau ▪ Memberi alasan yang tidak munasabah atas keengganan menandatangani kontrak.
2.1.3	Pakatan Harga (<i>Collusion</i>)	Syarikat / Firma berpakat menentukan harga dengan Kontraktor, Pembekal dan Perunding lain ketika menyertai perolehan Kerajaan seperti sebutharga / tender yang dikeluarkan oleh Agensi dengan tujuan mendapatkan harga yang tinggi atau untuk menjamin Syarikat / Firma tertentu sahaja memenangi perolehan berkenaan.

Tafsiran Terperinci Jenis Salahlaku

2.2 Kesalahan Semasa Pelaksanaan Kontrak Kerja / Perkhidmatan / Bekalan / Perkhidmatan Perunding	
Jenis Kesalahan	Tafsiran
2.2.1	<p>Gagal mematuhi obligasi kontrak seperti berikut:</p> <p>Kelewatan yang kritikal (<i>critically delayed</i>);</p> <p><u>Kontrak Kerja</u></p> <p>Kelewatan yang kritikal (<i>critically delayed</i>) disebabkan oleh Syarikat / Firma yang dilantik gagal melaksanakan kerja-kerja mengikut jadual dan tempoh yang ditetapkan dalam kontrak (<i>due to contractor's fault</i>). Kelewatan yang kritikal (<i>critically delayed</i>) adalah dalam keadaan di mana:</p> <ol style="list-style-type: none"> Kemajuan kerja fizikal telah mengalami kelewatan melebihi 60 hari atau 20% (mengikut mana yang terdahulu) bagi projek yang bertempoh tidak melebihi 2 tahun berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak Kemajuan kerja fizikal telah mengalami kelewatan melebihi 100 hari atau 20% (mengikut mana yang terdahulu) bagi projek yang bertempoh 2 tahun dan ke atas berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak <p>Sekiranya kelewatan disebabkan oleh Agensi dan bukan disebabkan oleh Syarikat / Firma yang dilantik maka projek syarikat / firma tersebut tidak perlu dilaporkan di dalam sistem CoRRIS memandangkan lanjutan masa (<i>Extension of Time</i>) boleh diberikan berdasarkan syarat-syarat kontrak.</p> <p><u>Kontrak Bekalan dan Perkhidmatan:</u></p> <p>Syarikat / Firma melakukan kesalahan kelewatan yang kritikal disebabkan oleh kegagalan pembekal / kontraktor (<i>due to supplier / contractor's fault</i>) menyiapkan bekalan/perkhidmatan mengikut tarikh yang ditetapkan dalam kontrak atau pesanan kerajaan.</p> <p>Sekiranya kelewatan disebabkan oleh Agensi dan bukan disebabkan oleh Syarikat / Firma, maka kontrak Syarikat / Firma tersebut tidak perlu dilaporkan di dalam sistem CoRRIS memandangkan lanjutan masa (<i>Extension of Time</i>) boleh diberikan berdasarkan syarat-syarat kontrak.</p> <p><u>Perkhidmatan Perunding:</u></p> <p>Kelewatan yang kritikal disebabkan oleh kegagalan Syarikat / Firma (<i>due to consultant's fault</i>) menyiapkan perkhidmatan mengikut tarikh yang ditetapkan dalam kontrak.</p> <p>Sekiranya kelewatan disebabkan oleh Agensi dan bukan disebabkan oleh Syarikat / Firma, maka kontrak Syarikat/Firma tersebut tidak perlu dilaporkan di dalam sistem CoRRIS memandangkan lanjutan masa (<i>Extension of Time</i>) boleh diberikan berdasarkan syarat-syarat kontrak.</p>

Tafsiran Terperinci Jenis Salahlaku

	<p>(ii) Penamatan Kontrak</p> <p>(iii) Sub-Kontrak /Serah Hak (<i>Assignment</i>) tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Agensi yang terlibat.</p>	<p><u>Kontrak Kerja:</u></p> <p>Kontrak ditamatkan disebabkan oleh Syarikat / Firma (<i>due to contractor's fault</i>) melanggar syarat-syarat kontrak.</p> <p>(Sekiranya penamatan kontrak atas persetujuan bersama (<i>mutual termination</i>), maka penamatan ini adalah bukan dianggap sebagai salahlaku Syarikat / Firma dan projek tersebut tidak perlu dilaporkan di dalam sistem <i>CoRRIS</i>. Agensi hanya perlu mengemaskini maklumat projek tersebut di dalam <i>Project Details</i> sahaja).</p> <p><u>Kontrak Bekalan dan Perkhidmatan:</u></p> <p>Kontrak ditamatkan disebabkan pembekal/kontraktor (<i>due to supplier / contractor's fault</i>) melanggar syarat-syarat kontrak.</p> <p>(Sekiranya penamatan kontrak atas persetujuan bersama (<i>mutual termination</i>), maka penamatan ini adalah bukan dianggap sebagai salahlaku kontraktor / pembekal dan tidak perlu dilaporkan di dalam sistem <i>CoRRIS</i>. Agensi hanya perlu mengemaskini maklumat projek tersebut di dalam <i>Project Details</i> sahaja).</p> <p><u>Perkhidmatan Perunding:</u></p> <p>Kontrak ditamatkan disebabkan Syarikat / Firma (<i>due to consultant's fault</i>) melanggar syarat-syarat kontrak.</p> <p>(Sekiranya penamatan kontrak atas persetujuan bersama (<i>mutual termination</i>), maka penamatan ini adalah bukan dianggap sebagai salahlaku Syarikat / Firma dan tidak perlu dilaporkan di dalam sistem <i>CoRRIS</i>. Agensi hanya perlu mengemaskini maklumat projek tersebut di dalam <i>Project Details</i> sahaja).</p> <p>Syarikat / firma menyerahkan hak / <i>assigned</i> kepada syarikat / firma yang lain untuk projek /perkhidmatan / bekalan / perkhidmatan perunding secara keseluruhan atau sebahagian daripada skop projek / perkhidmatan / bekalan / perkhidmatan perunding yang diperolehi tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Agensi yang terlibat.</p>
2.2.2	<p><u>Perkhidmatan Perunding</u></p> <p>Menggunakan perkhidmatan Perunding asing tanpa kelulusan Pihak Berkuasa berkaitan dan / atau Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri terlebih dahulu.</p>	<p>Syarikat / firma menyerahkan hak / <i>assigned</i> kepada syarikat / firma yang lain tugas untuk menjalankan perkhidmatan perunding / kajian secara keseluruhan atau sebahagian daripada skop perkhidmatan perunding / kajian yang diperolehi tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Agensi yang terlibat.</p> <p>Perunding Asing merujuk kepada Perunding luar negara Malaysia.</p>

Tafsiran Terperinci Jenis Salahlaku

3. Kesalahan Sivil Dan Jenayah	
Jenis Kesalahan	Tafsiran
3.1 Kesalahan jenayah (Rasuah, Penipuan dan Pecah Amanah)	Kontraktor, Pembekal dan Perunding atau mana-mana Ahli Pengarah atau mana-mana ahli pengurusan telah melakukan jenayah dan disabitkan oleh mahkamah. Di antara kesalahan jenayah tersebut adalah: <ol style="list-style-type: none"> a) Rasuah, b) Penipuan; dan c) Pecah amanah.
3.2 Kesalahan / tanggungan sivil:	
(i) Penghutang Penghakiman (<i>Judgment Debtor</i>)	<u>Penghutang Penghakiman (Judgement Debtor):</u> Syarikat / firma perunding yang dikenakan perintah Penghutang Penghakiman (<i>Judgment Debtor</i>) termasuk penguatkuasaan yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa.
(ii) Bankrap	<u>Bankrap:</u> Syarikat / pemilik / pengurusan yang telah diisytiharkan bankrap oleh mana-mana mahkamah.
(iii) Syarikat / firma yang diletakkan dibawah perintah Penerimaan (<i>Receivership</i>) atau Likuidasi (<i>Liquidation</i>)	<u>Syarikat / firma yang diletakkan dibawah perintah Penerimaan (Receivership) atau Likuidasi (Liquidation) :</u> Syarikat / firma perunding yang diletakkan di bawah perintah Penerimaan (<i>Receivership</i>) atau Likuidasi (<i>Liquidation</i>).

Borang Laporan Kontraktor/ Pembekal/Perunding (Contractors/Suppliers/Consultants Report Form)

- i. Borang ini adalah digunakan untuk laporan yang BERKAITAN DENGAN PROJEK/KONTRAK KERAJAAN NEGERI SARAWAK
- ii. Jenis kesalahan tatatertib seperti berikut:
- a. Kesalahan semasa proses perolehan dan pelaksanaan kontrak
 - b. Kesalahan Sivill dan Jenayah

1.0 Nama Agensi Pelapor : _____
(Reporting Agency)

2.0 Jenis Laporan : _____
(Report Type)

3.0 Nama Syarikat : _____
(Kontraktor/ Pembekal/
Konsultan)
(Company (Contractor
/Suppliers/ Consultant's
Name)

4.0 Maklumat Kontrak : _____
(Contract Info)

4.1 Nama Kontrak (Contract Name) : _____

4.2 No. Kontrak (Contract No.) : _____

4.3 Nilai Kontrak (RM) (Contract : _____
Value)

4.4 Tempoh Kontrak (Contract : _____
Period)

4.5 Tarikh Mula (Commencement : _____
Date)

4.6 Tarikh Siap (Contractual : _____
Completion Date)

4.7 Tarikh Kontrak Ditandatangani : _____
(Date Contract Sign)

4.8 Lanjutan Masa (Extension of : _____
Time, EOT)

4.8.1 : Lanjutan Masa : _____
No.1 (EOT No.1)

i) Tempoh Lanjutan : _____ tahun/bulan/minggu/hari
Masa (Duration) (years/months/weeks/days)

ii) Tarikh Siap Baru : _____
(Revised Completion
Date)

iii) Alasan Lanjut Masa : _____
(EOT Reason)

(Continue if there is Second EOT – Numbering will be 4.8.2, 4.8.3...)

4.9 Liquidated Ascertained Damage (LAD) :

4.9.1 : LAD No.1 : _____

i) Nilai LAD / hari : RM _____

ii) Jumlah hari : _____ hari
dikenakan LAD

iii) Jumlah Nilai LAD : RM _____
terkumpul

(Continue if there is Second LAD– Numbering will be 4.9.2, 4.9.3...)

4.10 Variation Order (V.O) :

4.10.1 : Variation Order : _____
No.1

i) Nilai Variation Order : RM _____

ii) Tarikh Variation : _____
Order dikeluarkaniii) Alasan Variation : _____
Order

(Continue if there is Second VO– Numbering will be 4.10.2, 4.10.3...)

5.0 Maklumat Penamatan Kontrak (Contract Termination Info)

5.1 Surat Amaran Dikeluarkan (Warning letter):

5.1.1 : Surat Amaran : _____
No.1

i) No. Rujukan Surat : _____

ii) Tarikh Surat : _____

iii) Kaedah Penghantaran : Melalui: _____
(Proof of Posting)

Tarikh: _____

(Continue if there is second Warning Letter-Numbering will be 5.1.2, 5.1.3...)

5.2 Surat Notice of Default Dikeluarkan :

i) Tajuk Surat : _____

ii) Tarikh : _____
dikeluarkaniii) No.Rujukan : _____
Surat

i) No. Rujukan Surat : _____

ii) Tarikh Surat : _____

iii) Kaedah Penghantaran : Melalui: _____
(Proof of Posting)

Tarikh: _____

(Continue if there is second Notice of Default –Numbering will be 5.2.2, 5.2.3...)

5.3 Surat Penjelasan Daripada Kontraktor / Pembekal / Perunding (Showcause letter):

5.3.1 : Tajuk Surat : _____

i) No. Rujukan Surat : _____

ii) Tarikh Surat : _____

(Continue if there is second showcause letter – Numbering will be 5.3.2, 5.3.3...)

5.4 Rujukan Kepada Jabatan Peguam Besar Negeri (*Refer to State Attorney General (SAG) Department*)

5.3.1 : Tajuk Surat : _____

i) No. Rujukan Surat : _____

ii) Tarikh Surat : _____

(Continue if there is second letter refer to SAG Department– Numbering will be 5.3.2, 5.3.3)

5.5 Tarikh Surat Penamatan Kontrak Dikeluarkan

i) No. Rujukan Surat : _____

ii) Tarikh Rujukan : _____

iii) Kaedah Penghantaran : Melalui: _____
(*Proof of Posting*)

Tarikh: _____

5.6 Sebab-Sebab Penamatan :

5.7 Lain-lain Maklumat Berkaitan :

6.0 Dokument Sokongan

Sila sertakan salinan dokumen sokongan seperti berikut:

1. Surat Setuju Terima;
2. Salinan Perjanjian;
3. Salinan Surat Lanjutan Masa;
4. Salinan Kelulusan *Variation Order*;
5. Surat Amaran;
6. *Notice of Default*;
7. Surat Penamatan;
8. Surat Rujukan kepada Pejabat Peguam Besar Negeri Sarawak sebelum penamatan dilakukan
9. Maklumat Surat/Memo Penurunan Kuasa Menandatangani Kontrak dan Surat Penamatan (*Authorization Letter* oleh Pengarah Jabatan);
10. Salinan Surat Kuasa Menandatangani Kontrak daripada Menteri bertanggungjawab
11. *Kaedah Penghantaran (Proof of Posting)* untuk Item 3,4,5,6,7; dan
12. Dokumen-dokumen sokongan lain yang berkaitan

LAMPIRAN B1

Borang JPTT (Pindaan 3/2023)


Adalah diperakui bahawa semua maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan adalah benar dan betul.

Tandatangan Ketua Jabatan/ Agensi : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Agensi / Jabatan : 

Nota:

- i. Sila pastikan semua maklumat adalah lengkap dan hantar melalui email (*softcopy*) dan hantar ke alamat (*hardcopy*) seperti tertera.
- ii. Sebarang pertanyaan atau soalan boleh hubungi pegawai seantara dibawah:

Ahmad Arif bin Ahmad Denney
Email: arifdenney@sarawak.gov.my
Telefon: 082-235910 ext 214

Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ), Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Tingkat 7, Wisma Satok, Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak



Borang Laporan Kontraktor/ Pembekal/Perunding
(Contractors/Suppliers/Consultants Report Form)

- i. Borang ini adalah digunakan untuk laporan yang **TIDAK BERKAITAN DENGAN PROJEK/KONTRAK KERAJAAN NEGERI SARAWAK**
- ii. Jenis kesalahan tatatertib seperti berikut:
- Kesalahan kerana melanggar syarat pendaftaran UPKJ (termasuk Status Bumiputera)
 - Kesalahan Sivil dan Jenayah

1.0 Nama Agensi Pelapor
(Reporting Agency) :

2.0 Jenis Laporan
(Report Type) :

3.0 Nama Syarikat
(Kontraktor/ Pembekal/
Konsultan)
(Company (Contractor
/Suppliers/ Consultant's
Name) :

4.0 Keterangan Laporan Maklumat Terperinci



5.0 Rujukan/Meminta nasihat daripada Jabatan Peguam Besar Negeri (SAG)

<input type="checkbox"/>	Ada*
<input type="checkbox"/>	Tiada

*Jika Ada sila isi maklumat dibawah

Tajuk Surat : _____

No. Rujukan Surat : _____


Tarikh Surat : _____

6.0 Dokument Sokongan

Sila sertakan salinan dokumen sokongan seperti berikut:

1. Laporan Polis (jika berkaitan);
2. Dokumen-dokumen sokongan lain yang berkaitan; dan
3. Salinan Rujukan kepada Pejabat Peguam Besar Negeri (SAG)

Adalah diperakui bahawa semua maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan adalah benar dan betul.

Tandatangan Ketua Jabatan/ Agensi : _____
Nama : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____
Cop Agensi / Jabatan : 


Nota:

- i. Sila pastikan semua maklumat adalah lengkap dan hantar melalui email (*softcopy*) dan hantar ke alamat (*hardcopy*) seperti tertera.
- ii. Sebarang pertanyaan atau soalan boleh hubungi pegawai seantara dibawah:

Ahmad Arif bin Ahmad Denney
Email: arifdenney@sarawak.gov.my
Telefon: 082-235910 ext 214

Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ), Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Tingkat 7, Wisma Satok, Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak

Carta Aliran Proses Pelaporan Salahlaku Dan Tindakan Tatatertib Kontraktor/ Pembekal/ Perunding



SENARAI AGIHAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SARAWAK

1. **TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI** (Pembangunan dan Perancangan Ekonomi)
2. **TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI** (Operasi)
3. **TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI** (Pentadbiran)
4. **KETUA MAJLIS,**
Majlis Adat Istiadat
5. **YANG DI-PERTUA,**
Majlis Islam Sarawak
6. **PENGARAH,**
Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
7. **PENGARAH,**
Unit Pentadbiran
8. **PENGARAH,**
Unit Perancang Ekonomi Sarawak
9. **PENGARAH,**
Unit Protokol, Istiadat dan Pengurusan Acara Sarawak
10. **PENGARAH,**
Unit Pemantauan Pelaksanaan Sarawak
11. **PENGARAH,**
Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak
12. **PENGARAH,**
Unit Pemodenan Perkhidmatan Sarawak
13. **PENGARAH,**
Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain
14. **PENGARAH,**
Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak
15. **PENGARAH,**
Unit Komunikasi Awam Sarawak
16. **KETUA PENDAFTAR,**
Mahkamah Bumiputera Sarawak
17. **PEGAWAI PERHUBUNGAN RUMAH SARAWAK**

SENARAI AGIHAN

JABATAN-JABATAN KERAJAAN

1. **PENGARAH,**
Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak
2. **PENGARAH,**
Jabatan Pertanian Sarawak
3. **PENGARAH,**
Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak
4. **PENGARAH,**
Jabatan Hutan Sarawak
5. **PENGARAH,**
Jabatan Agama Islam Sarawak
6. **PENGARAH,**
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak
7. **KETUA HAKIM SYARIE,**
Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak
8. **PENGARAH,**
Jabatan Kerja Raya Sarawak
9. **PENGARAH,**
Jabatan Muzium Negeri Sarawak
10. **PENGARAH,**
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak
11. **PENGARAH,**
Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
12. **PENGARAH,**
Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak
13. **PENGARAH,**
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak
14. **SETIAUSAHA SULIT KEPADA TYT YANG DI-PERTUA NEGERI,**
Pejabat Yang Di-Pertua Negeri Sarawak
15. **AKAUNTAN NEGERI SARAWAK,**
Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
16. **SETIAUSAHA,**
Dewan Undangan Negeri Sarawak

17. **SETIAUSAHA,**
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
18. **MUFTI NEGERI,**
Jabatan Mufti Negeri Sarawak
19. **KETUA PENDAFTAR,**
Mahkamah Bumiputera Sarawak

SENARAI AGIHAN

KEMENTERIAN-KEMENTERIAN

1. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak
2. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak
3. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan
4. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat
5. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak
6. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak
7. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pelabuhan Sarawak
8. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak
9. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak
10. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti
11. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Pengangkutan Sarawak
12. **SETIAUSAHA TETAP,**
Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar

SENARAI AGIHAN

RESIDEN-RESIDEN BAHAGIAN

1. **RESIDEN BAHAGIAN KUCHING**
Pejabat Residen Bahagian Kuching
2. **RESIDEN BAHAGIAN SRI AMAN**
Pejabat Residen Bahagian Sri Aman
3. **RESIDEN BAHAGIAN SIBU**
Pejabat Residen Bahagian Sibul
4. **RESIDEN BAHAGIAN MIRI**
Pejabat Residen Bahagian Miri
5. **RESIDEN BAHAGIAN LIMBANG**
Pejabat Residen Bahagian Limbang
6. **RESIDEN BAHAGIAN SARIKEI**
Pejabat Residen Bahagian Sarikei
7. **RESIDEN BAHAGIAN KAPIT**
Pejabat Residen Bahagian Kapit
8. **RESIDEN BAHAGIAN BINTULU**
Pejabat Residen Bahagian Bintulu
9. **RESIDEN BAHAGIAN SAMARAHAN**
Pejabat Residen Bahagian Samarahan
10. **RESIDEN BAHAGIAN MUKAH**
Pejabat Residen Bahagian Mukah
11. **RESIDEN BAHAGIAN BETONG**
Pejabat Residen Bahagian Betong
12. **RESIDEN BAHAGIAN SERIAN**
Pejabat Residen Serian

* **Semua Pejabat Residen sila maklumkan kepada Pejabat Daerah / Daerah Kecil dibawah pentadbiran masing-masing.**

SENARAI AGIHAN

PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI

1. **SETIAUSAHA BANDARAYA**
Majlis Bandaraya Kuching Selatan
2. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Bau
3. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Betong
4. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Dalat dan Mukah
5. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Kanowit
6. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Kapit
7. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Lawas
8. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Limbang
9. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Lubok Antu
10. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Lundu
11. **SETIAUSAHA BANDARAYA**
Majlis Bandaraya Miri
12. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Luar Bandar Sibu
13. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Maradong dan Julau
14. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Marudi

15. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Matu dan Daro
16. **SETIAUSAHA**
Majlis Perbandaran Kota Samarahan
17. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Saratok
18. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Sarikei
19. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Serian
20. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Simunjan
21. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Subis
22. **SETIAUSAHA**
Majlis Daerah Sri Aman
23. **SETIAUSAHA**
Majlis Perbandaran Padawan
24. **SETIAUSAHA**
Majlis Perbandaran Sibul

SENARAI AGIHAN

BADAN-BADAN BERKANUN

1. **PENGARAH**
Dewan Bandaraya Kuching Utara
2. **PENGURUS BESAR**
Lembaga Kemajuan Bintulu
3. **PENGURUS BESAR**
Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke
4. **PENGURUS BESAR**
Lembaga Pelabuhan Kuching
5. **PENGURUS BESAR**
Lembaga Air Kuching
6. **PENGURUS BESAR**
Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah
7. **PENGURUS BESAR**
Lembaga Air Sibu
8. **PENGURUS BESAR**
Lembaga Pelabuhan Miri
9. **PENGURUS BESAR**
Lembaga Pelabuhan Rajang
10. **PENGURUS BESAR**
Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak
11. **PENGURUS BESAR**
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
12. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak
13. **PENGURUS BESAR**
Perbadanan Sukan Sarawak
14. **PENGURUS BESAR**
Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak
15. **PENGURUS BESAR**
Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis

16. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
Pusat Kepelebagaian Biologi Sarawak
17. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
Lembaga Pelancongan Sarawak
18. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
Pustaka Negeri Sarawak
19. **PENGURUS BESAR**
Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak
20. **PENGURUS BESAR**
Sarawak Multimedia Authority
21. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
Regional Corridor Development Authority
22. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
Sarawak Forestry Corporation
23. **CONTROLLER**
Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak
24. **CONTROLLER**
Lembaga Sungai-Sungai Sarawak
25. **PENGARAH**
Yayasan Sarawak
26. **PENGURUS BESAR,**
Lembaga Pelabuhan Samalaju
27. **PENGURUS BESAR,**
Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak
28. **PENGURUS BESAR,**
Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak